

ISU MENYEBUT “CHURCH” DAN “TEMPLE” SEBAGAI RUMAH ALLAH

Pendahuluan

Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Rahmat Islam ini merangkumi prinsip toleransi dan penghormatan terhadap kepercayaan dan agama lain. Namun, Islam mempunyai prinsip tersendiri dalam hal toleransi agar kemuliaan Islam itu sentiasa terjaga dan tidak tercalar. Dalam hal ini, adalah penting bagi umat Islam memahami prinsip Islam dalam bertoleransi bersama agama lain termasuk penggunaan istilah-istilah Islam yang tertentu seperti ‘rumah Allah’ yang berkemungkinan disalah guna atas alasan toleransi agama.

Definisi Masjid, Gereja (*Church*) Dan Kuil (*Temple*)

Masjid, gereja dan kuil mempunyai definisi atau istilah yang tersendiri yang membezakan antara satu dengan yang lain. Masjid dari segi bahasa berasal dari akar kata Arab *sajada* yang bermaksud sujud atau merendahkan diri. Manakala masjid merupakan kata nama tempat yang membawa makna tempat bersujud. [Rujuk *Ibn Manzur, Lisan al-‘Arab*, jld. 3, hlm. 205-206]

Secara istilah, masjid didefinisikan sebagai tempat yang dikhususkan untuk pelaksanaan ibadah kepada Allah SWT. Ia tidak hanya terbatas kepada tempat sujud tetapi juga merangkumi fungsi lain seperti pengajian ilmu dan penyatuan umat Islam. Dalam bahasa Melayu, masjid bermaksud tempat untuk orang Islam bersembahyang (berjemaah, Jumaat, dan lain-lain). [Rujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka*, hlm. 919]

Gereja pula dari segi bahasa atau *church* berasal daripada bahasa Inggeris Lama *cirice*, yang diambil daripada bahasa Yunani *kyriakon* (κυριακόν) bermaksud yang berkaitan dengan Tuhan atau rumah Tuhan. Dari segi istilah, gereja merujuk kepada tempat ibadat untuk penganut agama Kristian. [Rujuk *Oxford English Dictionary*, ed. 12, hlm. 313]

Manakala, kuil atau *temple* secara bahasa berasal daripada bahasa Latin *templum*, yang bermaksud tempat yang dikhususkan untuk ibadat. Secara istilah, kuil adalah tempat suci yang digunakan untuk ritual dan ibadat oleh penganut agama tertentu seperti Hindu, Buddha, dan agama tradisional lain selain agama Kristian. [Rujuk *Merriam-Webster Dictionary*, ed. 2023, hlm. 542]

Toleransi Islam

Islam merupakan agama yang bersifat rahmat dan amat bertoleransi terhadap tempat ibadat agama lain. Perkara ini amat jelas disebutkan dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT:

وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَهَدَّ مَتَّ صَوَامِعُ وَبِيعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ
كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Dan kalaulah Allah SWT tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah SWT banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah SWT akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah SWT Maha Kuat, lagi Maha Kuasa;

[Surah al-Hajj: 40]

Dalam ayat ini, Allah SWT menerangkan bahawa orang-orang Islam diberikan keizinan untuk berperang menentang golongan musyrikin Mekah yang telah melakukan kezaliman serta menganiaya umat Islam. Orang Islam diseksa, dianiaya, disakiti bukanlah kerana sesuatu kesalahan atau kejahatan yang telah mereka lakukan, tetapi semata-mata kerana mereka telah berkeyakinan bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah, selain Tuhan Yang Maha Kuasa.

Seandainya perbuatan kaum musyrikin itu dibiarkan, tentulah kezaliman mereka semakin bertambah, hingga mereka akan menghancurkan biara-biara, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat dan masjid-masjid. Ia secara tidak langsung menjelaskan prinsip Islam dalam bertoleransi terhadap rumah-rumah ibadat yang lain. [Rujuk **Tafsir Tabari**, jld.18, hlm. 646]

Selain itu, rentetan sejarah juga banyak merekodkan serta membuktikan sikap toleransi agama Islam terhadap rumah-rumah ibadat agama lain. Contohnya, Umar bin al-Khattab ketika menakluki Baitul Maqdis, beliau memberikan jaminan kepada penganut Kristian bahawa gereja-gereja mereka tidak akan diusik. Hal ini tercatat dalam Perjanjian Umar, yang menyatakan:

"Ini adalah perlindungan yang diberikan oleh Umar kepada penduduk Iliya' (Baitul Maqdis)... Tempat-tempat ibadat mereka tidak akan dihancurkan."

[Rujuk **al-Bidayah wa al-Nihayah**, jld.7, hlm. 55]

Di samping itu, kisah yang masyhur berkenaan Salahuddin al-Ayyubi ketika penaklukan Baitul Maqdis yang menghormati gereja-gereja Kristian dan beliau sendiri berjanji bahawa beliau sesekali tidak akan membenarkan sebarang bentuk kerosakan berlaku. Beliau akan memastikan biara dan gereja dijaga dengan baik, sekali gus menguatkan prinsip Islam dalam menjaga rumah ibadat agama lain. [Rujuk **al-Nawadir al-Sultaniyah**, hlm. 145]

Dalam konteks di Malaysia yang agama rasminya adalah Islam, tempat ibadat agama lain seperti kuil Hindu dan gereja Kristian juga dijaga dan dihormati oleh masyarakat Islam. Contohnya, kerajaan telah memperuntukkan dana khas untuk pembaikan kuil dan gereja dalam memastikan keharmonian antara agama. [Rujuk *Laporan Tahunan Jabatan Perpaduan Negara, 2022*]

Rumah Allah Adalah Masjid

Masjid sememangnya tempat untuk beribadah hanya kepada Allah SWT. Dalam al-Quran, Allah SWT sendiri menyatakan bahawa masjid itu sebagai masjid-Nya, firman Allah SWT:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا
إِلَّا خَائِفِينَ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (sembahyang dan) menyebut nama Allah SWT di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah SWT (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar”.

[Surah al-Baqarah: 114]

Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Hanya sanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah SWT itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah SWT, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

[Surah al-Taubah: 18]

Di samping itu, penggunaan rumah Allah juga turut diguna pakai oleh Nabi SAW sebagai tanda kemuliaan. Sabda Rasulullah SAW:

ما اجتمع قومٌ في بيتٍ من بيوتِ اللهِ يتلونَ كتابَ اللهِ، ويتدارسونَهُ فيما بينَهُمْ إِلَّا نزلتْ عليهم
السَّكِينَةُ، وغشيتَهُمُ الرَّحْمَةُ، وحَقَّتْهُمُ الملائكةُ، وذكرَهُمُ اللهُ فيمَن عندهُ

Maksudnya: “Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Quran) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat”

[Sahih Muslim, No. 2699]

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, maka dapat difahami bahawa menisbahkan masjid kepada nama Allah SWT adalah untuk menunjukkan kemuliaan dan ketinggian darjat tempat tersebut di sisi Allah SWT. Bahkan masjid adalah rumah Allah yang hakiki kerana hanya masjid meninggikan tauhid dan tidak menyekutukan Allah SWT dengan yang lain.

Berbalik kepada isu yang berlaku, **kenyataan bahawa rumah Allah turut merujuk kepada tempat ibadat agama selain Islam seperti gereja atau kuil adalah salah dan sama sekali bertentangan dengan hakikat makna bagi rumah Allah.** Sebagai hujah, tempat ibadat agama lain tidak mempunyai ciri utama bagi nama rumah Allah tersebut. Hal ini demikian kerana, ciri utama bagi rumah Allah adalah tempat yang tidak disembah sesuatu selain Allah SWT dan tidak berlaku penyekutuan terhadap Allah SWT di dalamnya. Ciri ini secara tidak langsung menjadikan rumah ibadat selain Islam tidak layak mendapat sandaran kemuliaan yang sama. Allah SWT berfirman:

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah untuk Allah SWT, maka janganlah kamu menyembah sesuatu pun di dalamnya selain Allah SWT.”

[Surah al-Jinn: 18]

Selain itu, penggunaan Baitullah (rumah Allah) kepada gereja dan kuil boleh dianggap menggunakan kalimah-kalimah suci yang khusus bagi agama Islam. Dalam hal ini, terdapat fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 yang menyatakan:

1. Bahawa kalimah-kalimah yang berkaitan dengan kesucian agama Islam adalah khusus bagi agama dan orang Islam sahaja. Oleh itu ia tidak boleh diguna atau disamakan dengan agama- agama bukan Islam.
2. Orang Islam perlu peka dan bertanggungjawab dalam isu ini. Sikap membenarkan sesiapa sahaja menggunakan kalimah-kalimah tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa Islam meraikan agama lain hanya akan mendatangkan mudharat yang besar kepada agama dan orang Islam.
3. Oleh itu orang Islam wajib menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan dan penyalahgunaan terhadap kalimah-kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub.

Keharmonian Antara Agama di Pulau Pinang: Sistem eRIBI sebagai Inisiatif Progresif

Pulau Pinang, sebagai negeri berbilang kaum dan agama, telah menunjukkan komitmen terhadap keharmonian antara agama melalui pelbagai inisiatif, termasuk sistem eRIBI (Sistem Rumah Ibadat Bukan Islam). Sistem ini diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengumpul data dan memastikan pengurusan rumah ibadat bukan Islam (RIBI), seperti gereja, tokong dan kuil, dilakukan secara sistematik dan menyeluruh. Melalui pendekatan ini, istilah RIBI digunakan secara lebih sesuai untuk merujuk kepada rumah ibadat seperti gereja, tokong dan kuil, sejajar dengan keperluan pengurusan yang inklusif dan tidak bercanggah dengan prinsip keharmonian masyarakat.

Usaha ini mencerminkan falsafah kepimpinan yang meraikan kepelbagaian budaya dan agama, selaras dengan nilai-nilai kemanusiaan yang dihormati dalam Islam. Sistem ini juga menjadi bukti bahawa pengurusan rumah ibadat bukan Islam boleh dilakukan dengan cara yang lebih tersusun tanpa menjejaskan sensitiviti keagamaan mana-mana pihak. Justeru, inisiatif seperti eRIBI yang dilaksanakan ini, Pulau Pinang terus mengukuhkan kedudukannya sebagai negeri yang menjadi contoh dalam meraikan perpaduan dan memupuk rasa hormat antara agama, dengan penekanan kepada penggunaan istilah yang tepat dan pengurusan yang telus.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, menganggap Gereja (*Church*) Dan Kuil (*Temple*) sebagai rumah Allah adalah salah dan bercanggahan dengan hakikat penggunaannya. Sehubungan dengan itu, rumah Allah adalah dikhususkan kepada masjid atau tempat ibadat bagi agama Islam sahaja.

Penggunaan yang wajar bagi tempat ibadat agama lain seperti gereja, tokong dan kuil adalah rumah ibadat atau Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Hal ini demikian kerana, penggunaan nama tersebut lebih bersifat harmoni dalam konteks masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan kaum serta menghormati agama Islam yang menjadi agama rasmi di Malaysia.

Disediakan oleh;

Unit Buhuth, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Januari 2025